

14/09/2002

Naza buat MPV guna jenama sendiri

GURUN, Jumaat - Kumpulan Naza (Naza), yang terkenal dengan perniagaan kereta import, akan mengeluarkan kenderaan pelbagai guna (MPV) nasional menggunakan jenama Naza, tidak lama lagi.

MPV nasional itu akan dibangunkan menggunakan teknologi terbaru Kia Motors Corporation (KMC) yang berpangkalan di Korea dan dimajukan berasaskan model Kia Carnival.

Naza bercadang mengeluarkan MPV itu sebaik kilang pembuatan dan pemasangan milik Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd dengan kerjasama KMC, siap dibina di Gurun, 18 bulan lagi.

Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, berkata pihaknya bekerjasama dengan beberapa syarikat pembuat komponen serta firma penyelidikan dan kejuruteraan tempatan bagi melahirkan bentuk MPV itu.

MPV itu akan menggunakan jenama Naza untuk dijual dan diedarkan di Malaysia serta negara Asean apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) mula berkuat kuasa.

"KMC bukan saja membenarkan kami menggunakan model Kia Carnival sebagai asas MPV Naza malah menyediakan bantuan teknikal dan kepakaran," katanya pada upacara pecah tanah kilang pembuatan dan pemasangan Naza Auto, di sini hari ini.

Upacara itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta Presiden yang juga Ketua Eksekutif KMC, Noi Myung-kim.

Projek bernilai RM350 juta di tapak seluas 59.2 hektar itu mampu mengeluarkan 60,000 unit kenderaan setahun dengan membabitkan tenaga kerja antara 1,500 hingga 2,000 orang.

SM Nasimuddin berkata, pihaknya juga bercadang membuat pemasangan komponen tercurai (CKD) bagi beberapa model kenderaan jenama Kia di kilang berkenaan.

Sementara itu, Noi berkata, syarikatnya melihat Malaysia sebagai negara yang berpotensi kerana ia adalah antara peneraju pasaran kereta di Asia Pasifik.

"Malaysia adalah pilihan utama kerana kestabilan politik dan ekonominya selain infrastrukturnya yang begitu baik. Penjualan kereta kami di Malaysia juga menunjukkan peningkatan 10 peratus dan kami percaya apabila Afta dilaksanakan, angka itu akan terus meningkat.

"Atas dasar itu, kami sanggup membabitkan diri dengan projek yang berprestij ini untuk memasang pelbagai model di kilang baru ini nanti," katanya.